

10 MAR 2000

DR MAHATHIR BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWATAN SINGKAT KE INDONESIA

JAKARTA, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas pulang pagi ini selepas lawatan rasmi dua hari di sini.

Menteri Luar Alwi Shihab berada di Lapangan terbang Halim Perdanakusuma untuk mengucapkan selamat pulang.

Turut hadir di lapangan terbang ialah Duta Malaysia ke Indonesia Datuk Rastam Mohd Isa.

Dr Mahathir yang diiringi oleh 150 ahli perniagaan mempunyai aturcara ketat semasa lawatan itu yang bertujuan meningkatkan perdagangan dan kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara berjiran itu.

Indonesia berminat mendapatkan penyertaan Malaysia dalam proses membangunkan semula ekonominya selepas teruk terjejas akibat krisis kewangan yang melanda negara itu sejak pertengahan 1997.

Dalam taklimat kepada media mengenai hasil lawatan itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menyifatkannya sebagai berjaya dengan lapan Memorandum Persefahaman ditandatangani antara kerajaan dan agensi swasta berbanding hanya tiga mengikut perancangan awal.

-- BERNAMA

OPP LAT